

29 OCT 1996

SYARIKAT JERMAN BERMINAT SERTAI PROJEK KERETA API RENTAS ASIA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Syarikat prasarana Jerman berminat menyertai projek kereta api rentas Asia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri pengangkutan Jerman Matthias Wissmann yang sedang melawat negara ini berkata Jerman bersedia membiayai dan melaksanakan kajian kemungkinan pada projek berkenaan dan dalam bidang di mana kepakaran Jerman boleh digunakan.

Bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin di pejabatnya di sini, Wissmann berkata Jerman adalah pelabur terbesar dalam sektor prasarana di Eropah.

Wissmann yang tiba di sini semalam diiringi oleh rombongan 30 anggota, menyatakan peniaga Jerman meninjau perkongsian jangka panjang dengan rakan kongsi Malaysia dan bukan sekadar untuk mengaut keuntungan jangka pendek.

"Banyak yang dapat kami tawarkan, terutamanya kepakaran teknikal, dan kami mahu berkongsi dengan Malaysia," tambahnya.

Jerman membelanjakan kira-kira 20 bilion deutschmarks (RM33 bilion) dalam sistem jalan raya dan kereta api setahun, katanya.

Mengenai perbincangannya dengan Daim, Wissmann menyatakan ia tertumpu kepada projek prasarana masa depan di Malaysia dan Eropah.

"Saya juga menyuarakan minat Jerman dalam projek prasarana di Malaysia dan minat kami lebih-lebih lagi dalam projek kereta api rentas Asia," tambahnya. -- BERNAMA

DVS MA/sia